

13/09/1999

Dr M sampaikan syarahan perdana di Tuaran

TUARAN, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan syarahan perdana pada konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) di Sabandar Bay Resort, di sini, Sabtu ini.

Setiausaha Pemuda BN, Zulkifli Alwi, berkata syarahan perdana Dr Mahathir antara lain menggariskan fungsi dan tanggungjawab Pemuda BN sebagai pewaris kepemimpinan negara pada masa depan.

Katanya, konvensyen tiga hari bertemakan 'Teruskan perjuangan BN ke alaf baru', dijangka dihadiri 400 wakil Pemuda 14 parti komponen BN, termasuk 200 dari parti komponen di Semenanjung.

Konvensyen bermula pada hari sama dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual menyampaikan ucapan kira-kira jam 8.30 malam.

Bercakap kepada pemberita di sini petang ini, Zulkifli berkata, tiga kertas kerja akan dibentangkan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakub.

Kertas kerja Daim adalah berkaitan ekonomi, manakala Najib mengenai 'Pendidikan negara dan kepimpinan negara' dan Khalil pula mengenai 'Persiapan pilihan raya akan datang.'

Satu forum juga akan diadakan yang disertai Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat; dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, pada 17 September.

(END)